

BENGGEL tari kontemporari.



MANFAATKAN ilmu yang diperolehi.

Manfaatkan keunikan pelbagai budaya

► 25 pelajar UMS sertai bengkel tari bersama Failul dan Murni

Oleh ABD NADDIN HJ SHAIDDIN

SERAMAI 25 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Bengkel Tari Kontemporari yang diadakan di Studio Tari Normadiah.

Bengkel itu dikendalikan oleh Failul Adam (boyd) dan Murni dari Aswara Kuala Lumpur.

Pasangan ini baharu sahaja menyelesaikan pendidikan di Ireland di peringkat sarjana dengan biasiswa Aswara.

Failul dan isteri berada di Sabah dalam rangka menemui keluarganya di Labuan setelah berada di luar negara selama setahun.

Ruang dan peluang yang ada dimanfaatkan oleh pensyarah/Felo tari Fakulti Kemanusiaan Seni & Warisan, Suhaimi Magi yang menjemput pasangan itu mengendalikan bengkel dari jam 8 hingga 11 pagi agar para pelajar tari UMS dapat berkongsi pengalaman dan ilmu seni tari secara fizik mahupun pemikirannya.

Di antara ilmu baharu dari seberang yang diterapkan adalah memanfaatkan kesederhanaan gerak tubuh dalam menafsir gerak.

Suatu teknik yang bertolak belakang dari teknik moden yang menekankan kelenturan, ketangkasan dan fizikal sebagai wadah gerak.

Teknik ini sangat bersahaja dan mencari dan memberikan ruang yang cukup luas kepada setiap penari mengenali kekuatan dan kelemahan gerak tubuhnya.


Dari kesederhanaan itu akan diusahakan penelusuran kemungkinan yang titiknya tidak terbatas.

Pelajar yang terlibat secara aktif mengikuti bengkel berkenaan merasakan peluang seperti ini perlu diperbanyak agar kesempatan untuk belajar dari berbagai guru dan tokoh tari dari berbagai disiplin akan membolehkan pelajar mampu mengisi ilmu seni persembahan yang berbagai.

Sesi soal jawab keduanya menceritakan betapa bentuk dan ragam ragam tari di Asia sangat disukai dan dikagumi di Eropah.

Hal ini disebabkan tari tarian tradisi di Asia memiliki jiwa ritual yang tinggi dan memiliki berbagai gaya bentuk dan ragam yang kurang dimiliki di Eropah.

Justeru, keduanya mengharapkan pelajar tari UMS akan memanfaatkan kekayaan dan keunikan kepelbagaian kaum di Sabah untuk dikaji dihayati dan dijadikan asas kepada karya karya yang berbagai.



TERAP ilmu baharu.



FAILUL Adam dan Murni berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka bersama para pelajar.



MURNI



FAILUL ADAM